

Ke arah kerajaan lebih cekap, berkesan

BH -
22/3/2004
mls:10.

DENGAN menyifatkan barisan menteri kerajaannya sebagai Kabinet untuk masa depan, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melantik 14 menteri baru selain 17 timbalan menteri dan 17 setiausaha Parlimen kebanyakannya muda dan daripada barisan pelapis. Juga digelar sebagai Kabinet rakyat, ia jelas lebih mantap dan bertenaga serta memberi peluang kepada golongan menteri muda itu belajar daripada menteri berpengalaman dikekalkan dalam pentadbiran Abdullah. Selain pelantikan baru Perdana Menteri turut melakukan rombakan besar-besaran jentera pentadbiran dengan memecahkan tiga kementerian, menggabung dua buah, membubarkan sebuah dan menamakan semula lima kementerian. Secara amnya bolehlah dikatakan perubahan dalam pentadbiran itu mempunyai satu matlamat iaitu bagi menunaikan janji Barisan Nasional (BN) sebagaimana termaktub dalam manifesto BN ketika kempen pilihan raya baru-baru ini - bagi mewujudkan kerajaan yang menyokong rakyat, bekerja untuk memastikan masa depan lebih baik, aman dan makmur selain negara menjadi lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

Dalam membuat pelantikan Menteri Kabinet yang diperluaskan itu, jelas Perdana Menteri mengambil kira pelbagai kriteria dan segenap aspek seperti memastikan setiap satu daripada 14 parti komponen BN mempunyai wakilnya, perimbangan dari segi kaum selain keseimbangan perwakilan di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Di kalangan Umno sendiri, beliau turut menimbang-perlunya setiap negeri terutama negeri besar seperti Pahang, Perak dan Johor mempunyai wakilnya sebagai Menteri Kabinet sedang calon Wanita, Pemuda dan Puteri Umno diberi kedudukan sewajarnya. Dalam hubungan inilah daripada kalangan menteri baru, wakil dari Sarawak Datuk Seri Adenan Satem (Sumber Asli dan Alam Sekitar) dilantik sedang Sabah diwakili Datuk Dr Maximus Ongkili (Jabatan Perdana Menteri). Datuk Mustapha Mohamed yang berjaya mengembalikan martabat dan pengaruh BN di Kelantan dilantik Menteri di Jabatan Perdana Menteri begitu juga Datuk Dr Abdullah Mohd Zain dari Terengganu. Pengalaman Mustapha dalam mengetuai Majlis Tindakan Ekonomi Negara diharap dapat memberi nafas baru kepada pembangunan di Kelantan.

Turut diberi tugas mencabar sebagai Menteri adalah wakil Puteri Umno, Datuk Azalina Othman Said (Belia dan Sukan) dan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad (Wilayah Persekutuan). Demi memastikan wujudnya barisan pelapis yang berpengalaman dan bersedia menghadapi cabaran tugas lebih berat, Perdana Menteri menaikkan pangkat enam timbalan menteri dari Kabinet lama. Antaranya yang masih muda adalah Datuk Mohamed Khaled Nordin (Pembangunan Usahawan dan Koperasi) dan Datuk Shafie Apdal (Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) sedang Datuk Dr Shafie Salleh memegang jawatan di Kementerian Pengajian Tinggi bagi menumpukan perhatian kepada pelbagai perkara membabitkan institusi pendidikan tinggi awam dan swasta selain kolej universiti.

Selain suntikan menteri baru dan hampir 60 peratus muka baru sebagai timbalan menteri dan setiausaha Parlimen itu perubahan kepada jentera pentadbiran tidak syak lagi bagi memastikan perkhidmatan kerajaan lebih cekap dan efektif sebagai usaha menjamin sistem penyampaian kerajaan berkesan dan disenangi rakyat. Perubahan dalam jabatan/agensi turut dilakukan bagi memastikan skop tanggungjawab kementerian lebih sesuai dan untuk menghasilkan sinergi antara agensi/jabatan yang berlainan. Ia juga bertujuan memberi fokus yang lebih khusus dan penyelarasan dalam pentadbiran dan bukannya mewujudkan birokrasi yang lebih besar.

Jelas sesuai dengan gelaran Kabinet untuk masa depan bertujuan meningkatkan daya saing dalam menggerakkan prestasi dan keceMERLANGAN selain memupuk pemikiran kelas pertama, Perdana Menteri melantik mereka yang berwibawa untuk bekerja dengan beliau dalam membentuk kerajaan yang berkhidmat kepada rakyat. Sejajar ini jugalah beliau mahu setiap menteri bekerja kuat, turun ke padang dan tidak hanya duduk di pejabat tanpa mengetahui keperluan dan kehendak rakyat.